



**HARI NARAYANAN** (empat kiri) bersama tenaga pengajar dan pelajar UMP dalam program CEO@Faculty UMP, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

URUSAN MALAYSIA CALAM AKADEMIK M/S 32 28 Okt 2016

## UMP anjur CEO@Fakulti Program jalin kerjasama akademik, industri

**KUANTAN 25 Okt.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Minggu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)@Fakulti Program di Dewan Auditorium Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP Pekan dekat sini semalam.

Program itu menampilkan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn. Bhd., Dr. Hari Narayanan yang menyampaikan syarahan bertajuk ‘Trend Dalam Paparan/Pengimejan Teknologi - Apa Sedang Berlaku di Dunia Elektronik?’.

Penolong Naib Canselor (Jaringan, Industri dan Masyarakat) UMP, Profesor Dr. Zulkifli Yaacob berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan kepada penuntut mengenai dunia sebenar pekerjaan melalui sudut pandangan CEO dan tokoh industri terkemuka dari dalam dan luar negara.

“Sehingga kini UMP mempunyai tiga orang CEO yang dilantik piawai Kementerian Pendidikan Tinggi termasuk Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

“Program ini dapat memberi peluang kepada penuntut untuk merasai dunia sebenar termasuk aspek pentadbiran dan perkongsian amalan terbaik dan membolehkan mereka berfikir lebih baik dan holistik,” katanya di sini.

Zulkifli berkata, program CEO@Fakulti membolehkan mahasiswa berinteraksi dengan tokoh industri yang dijemput bagi menyampaikan syarahan.

Katanya, selain meningkatkan pengetahuan, penuntut dapat mengumpul maklumat yang menyediakan mereka peluang untuk melihat perkara-perkara dari praktikal perspektif melalui pengalaman CEO yang dijemput.

“Inisiatif ini dilihat dapat mencapai lonjakan strategik dalam rangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu keunggulan akademik dan menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan industri,” katanya.

Menurutnya, selepas setahun pembabitan Dr. Hari Narayanan sebagai CEO@Fakulti Program, beliau telah mencapai 70 jam pertemuan iaitu melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.

Beliau berkata, perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada pemimpin industri dapat memberi peluang kepada penuntut UMP untuk mendapatkan pelbagai input secara terus daripada pihak industri.

“Perkara ini begitu berguna apabila memasuki dunia kerja selain mampu meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan kelak,” katanya.